

01/05/1997

Dr M yakin semua negeri capai status maju

PETALING JAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin semua negeri akan mencapai status negeri maju menjelang tahun 2020, walaupun pada masa ini, masih ada negeri yang agak ketinggalan.

Menurut Perdana Menteri, Selangor, Johor dan Pulau Pinang mungkin lebih cepat mencapai status negeri maju berikutan kepesatan pertumbuhan ekonomi negeri berkenaan sekarang.

Beliau berkata, pertumbuhan pesat itu bukan menunjukkan negeri lain menghadapi masalah, sebaliknya berpunca pelbagai faktor ekonomi termasuk Selangor yang berdekatan dengan ibu negara.

"Pada pandangan saya, negeri lain tidak jauh ketinggalan kecuali ada satu atau dua. Saya rasa semua negeri ada peluang yang sama.

"Bagaimanapun, pada tahun 2020, kita akan pastikan semua negeri mencapai status negeri maju, walaupun pada masa itu, ada negeri yang lebih jauh ke hadapan," katanya dalam sidang akhbar yang turut dihadiri wartawan asing selepas menghadiri Dialog Kongres Kebangsaan Wawasan 2020 di Bandar Sunway di sini, hari ini.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketika diminta mengulas pandangan peserta kongres berhubung Wawasan 2020, Perdana Menteri, berkata semua peserta memberikan pendapat positif berhubung matlamat Wawasan 2020.

Menurutnya, kerajaan akan mengkaji cadangan yang dikemukakan dalam sembilan bengkel yang diadakan sempena kongres itu.

"Pada keseluruhannya, pandangan peserta amat bernas dan mereka memberi pendapat yang berguna dan boleh dikaji oleh kerajaan. Ini penting bagi membolehkan kerajaan melaksanakan pelbagai dasar tanpa banyak kesilapan," katanya.

(END)